

01/05/2003

Penerima gelaran patut jaga tingkah laku, penghormatan

Razli Alias

APA yang ingin saya perkatakan di sini, adalah perkara yang lama berlaku dalam masyarakat hari ini. Perkara ini suatu masa dulu amat jarang didengar. Mungkin kerana memang berlaku tetapi tidak dihebohkan atau maklumatnya tidak sampai ke pengetahuan orang ramai melalui media.

Kini zaman berubah, begitu juga tingkah laku masyarakat berubah mengikut arus.

Perkara yang ingin saya sentuh ialah tingkah laku mereka yang mendapat darjah kebesaran atau pingat daripada pembesar negara yang membawa kepada sesuatu gelaran seperti Tan Sri, Datuk atau Datuk Seri.

Setahu saya sebagai seorang kebanyakan, gelaran ini adalah suatu yang mulia dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Seseorang yang memperoleh gelaran ini sudah memberi sumbangan baik dan bernilai yang sukar dilakukan oleh orang kebanyakan, baik kepada kerajaan atau masyarakat.

Apa yang berlaku sekarang adalah sesuatu yang amat membingungkan saya di mana banyak peristiwa yang membabitkan orang berpangkat atau bergelaran.

Adakah pangkat ini diberikan supaya mereka berasa lebih berkuasa dan boleh melakukan apa saja terhadap orang lain dan mengharap dengan pengaruh yang mereka ada boleh menghalalkan perbuatan mereka? Adakah pangkat ini tiket bagi mereka mendapatkan layanan VVIP atau penghormatan daripada masyarakat?

Jika ini yang mereka inginkan daripada gelaran itu bermakna tidak ikhlas sumbangan yang mereka berikan. Inilah contoh 'Melayu Mudah Lupa' yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tulisan saya bukan bermaksud menghentam atau memburuk-burukkan golongan berpangkat. Bukan semua yang mempunyai tingkah laku yang tidak baik, tetapi hanya ingin menyedarkan orang yang mungkin terlupa diri oleh kerana pangkat dan penghormatannya.

Kita harus sedar semakin tinggi darjat dan pangkat di mata masyarakat, maka semakin tinggilah dugaan serta cabaran bagi kita menjaganya.

Apa yang perlu mereka lakukan adalah meningkatkan sumbangan mereka dan kekalkan tingkah laku yang baik yang ditunjukkan supaya menjadi contoh kepada masyarakat.

Mereka juga harus sedar bahawa perkara buruk yang dilakukan, sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap masyarakat yang menyanjungi mereka. Lebih buruk lagi jika ia menjadi contoh dan diikuti oleh orang lain. Mereka juga harus sedar adalah sukar untuk menyedarkan masyarakat melakukan perkara yang baik sesukar masyarakat menyedarkan mereka.

Tiada serinya seorang 'Datuk' jika merosak dan menunjukkan contoh tidak baik kepada keluarga dan masyarakat.

Dari sinilah kita melihat keikhlasan seseorang yang berpangkat Tan Sri,
Datuk atau Datuk Seri.

Oleh itu, saya menyokong cadangan supaya gelaran penerima pingat dan darjah kebesaran, termasuk Tan Sri, Datuk atau Datuk Seri harus ditarik balik jika mereka didapati bersalah oleh mahkamah kerana melakukan jenayah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim ketika mencadangkan perkara itu berkata: "Kerajaan dan pemerintah di setiap negeri juga harus mempunyai sistem bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak, dianugerahkan pingat dan gelaran kebesaran.

"Jika anda tanya saya, JP (Jaksa Pendamai) yang melakukan jenayah harus dilucutkan gelaran mereka. Jika anda tanya saya, Datuk, Datuk Seri dan Tan Sri yang melakukan kesalahan jenayah harus dilucutkan gelaran mereka.

"Adalah pelik contohnya jika seorang bergelar Datuk dan melakukan kesalahan jenayah, masih boleh tersenyum dan ke pub dan mengatakan `apa yang boleh anda lakukan kerana saya masih seorang datuk'".

"Jika kita ada kemampuan untuk menganugerahkan (pingat dan darjah kebesaran), kita juga mesti mempunyai kemampuan menarik balik pingat selepas tuduhan jenayah dibuktikan terhadap seseorang," katanya.

Pada saya, ketegasan Rais dalam hal ini kena pada tempatnya. Ini kerana darjah kebesaran dan pingat itu diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Ini adalah suatu penghormatan kepada penerimanya. Mereka yang menerima gelaran itu sepatutnya menjaga penghormatan yang diberikan itu.

Jika hendak memberi gelaran itu, ia seharusnya diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

RAZLI ALIAS,
Kuala Lumpur.